



NST 17/02/2012 4

LAWATAN...Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Et Alumni, Kapt. Darwis Awang, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, beserta pegawai dan staf dari Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, seramai lapan orang telah membuat lawatan ilmu ke Universiti Utara Malaysia (USM) Pulau Pinang, Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah dan Prince Of Songkla University, Thailand.

Tujuan lawatan selama tiga hari itu untuk mengeratkan lagi hubungan sedia ada dan pertukaran pengalaman berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar. Lawatan ilmu ini telah berjaya membentuk kerjasama dua hala bagi tujuan penganjuran program pembangunan sahsiah pelajar secara bersama yang bercorak nasional dan serantau.

Program "attachment" pegawai dan staf HEPA juga turut dipersetujui untuk dilaksanakan pada tahun ini dengan semua universiti yang dilawati.

Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS yakin dengan kerjasama ini, lebih banyak program pembangunan sahsiah pelajar di UMS yang berimpak tinggi dan bersifat nasional dapat dilaksanakan.

Gambar kiri atas Dr Kassim menerima cendera kenangan dari Pengarah HEP UUM manakala gambar kanan pula Rombongan HEP UMS bergambar kenangan di hadapan HEP UUM.